

0003

U 0492 DEB
MAHATHIR - GAJI

KUALA LUMPUR, 13 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN MENGAKUI KAKITANGAN AWAM BERHAK MENDAPATKAN KENAIKAN GAJI, TETAPI UNTUK MEMUNAIKANNYA ADALAH SATU PERSOALAN YANG LAIN.

+SEKARANG KITA PERLU MENGAJI SAMA ADA KITA MAMPU ATAU TIDAK (UNTUK MEMUNAIKANNYA) KERANA IA MELIBATKAN PENTADBIRAN KEWANGAN NEGARA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI MAJLIS DIALOG DENGAN PANGLIMA-PANGLIMA ANGKATAN TENTERA DI KEMENTERIAN PERTAHANAN DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA JIKA KERAJAAN MAMPU, KERAJAAN AKAN MEMBAYAR PELARASAN GAJI YANG DITUNTUT ITU YANG MELIBATKAN KIRA-KIRA 860,000 ORANG KAKITANGAN AWAM.

KERAJAAN MENGAKUI BAHAWA MEREKA BERHAK MENDAPAT KENAIKAN GAJI DAN KERAJAAN MEMANG MEMBERI PERHATIAN KEPADA PERSOALAN ITU, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELAKAN PENDIRIAN KERAJAAN IAITU PADA MASA INI KERAJAAN TIDAK DAPAT MELAYAN TUNTUTAN ITU KERANA PENDAPATAN NEGARA TIDAK MENGIZINKAN. -- LAGI.

1928MST 13 09 88

U 0493 DEB
MAHATHIR - GAJI 2 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, BELIAU MEMBAYANGKAN KEMUNGKINAN KERAJAAN MEMUNAIKAN TUNTUTAN KENAIKAN GAJI JIKA PENDAPATAN NEGARA MENINGKAT.

+SEWAKTU NEGARA MENGALAMI KEMELESETAN EKONOMI, KITA BUKAN SAHAJA TIDAK MEMUNAIKAN KENAIKAN GAJI, MALAH PEMBANGUNAN NEGARA BERKURANGAN,+ KATANYA.

KETIKA DITANYA SAMA ADA PERUNTUKAN KENAIKAN GAJI AKAN TERMASUK DALAM BELANJAWAN NEGARA YANG AKAN DIBENTANGKAN PADA OKTOBER INI, BELIAU BERKATA, BELIAU BELUM DAPAT MEMASTIKANNYA KERANA MEMURUT BELIAU, IA TERLETAK KEPADA TANGGUNGJAWAB MENTERI KEWANGAN.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MEMBERI PENJELASAN MENGENAI DASAR-DASAR KERAJAAN TERMASUK DASAR PANDANG KE TIMUR, PEMSWASTAAN DAN PERSYARIKATAN MALAYSIA KETIKA BERDIALOG DENGAN PANGLIMA-PANGLIMA ANGKATAN TENTERA ITU.

INI SEJAJAR DENGAN USAHA KERAJAAN UNTUK MENENTUKAN DASAR-DASAR KERAJAAN DIFAHAMI DENGAN TEPAT OLEH SEMUA PIHAK, KATA BELIAU. -- BERNAMA.

1930MST 13 09 88